

B602
MAHATHIR
(1)

1980

LABUAN, 23 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SABAH MUNGKIN MERUPAKAN NEGERI UTAMA DI MALAYSIA MEMANDANGKAN POTENSINYA YANG BESAR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SELAGI PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGERI MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN RAKYAT DAN BERUSAHA MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA, SABAH AKAN TERUS MAJU DENGAN PESATNYA

PADA AMNYA, KATANYA, BELIAU GEMBIRA DENGAN PEMBANGUNAN DI SABAH TERUTAMA DI SEKTOR DESA DI MANA KERAJAAN NEGERI SEDANG BERUSAHA MEMPERKENALKAN BERBAGAI PROJEK PERTANIAN UNTUK RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DI PERSIDANGAN AKHBAR DI AKHIR LAWATAN LIMA HARI NYA KE SABAH.

MENGENAI PENGUMUMAN PERDANA MENTERI KELMARIN YANG KERJAAN PUSAT AKAN MENGAJUI SEMULA CARA PEMBAHAGIAN KEKAYAAN NEGARA KE NEGERI-NEGERI, BELIAU BERKATA:

+TIDAK DAPAT DINAFIKAN OLEH KERANA KITA MENERIMA PERANCANGAN UNTUK MEMBAHAGIKAN KEKAYAAN MENGIKUT CARA YANG LEBIH ADIL, ADA KAWASAN DAN KUMPULAN RAKYAT YANG TIDAK MENDAPAT KEMAJUAN YANG SEPATUTNYA+. —BERSAMBUNG 1846/MD

MAHATHIR 2 LABUAN

BELIAU MENYEBUT CONTOH NABAWAN (DI PEDALAMAN SABAH). KETIKA LAWATANNYA KE SANA KELMARIN TELAH DIBERITAHU MASIH TERDAPAT RAKYAT YANG HIDUP MISKIN WALAUPUN SABAH SEBUAH NEGERI YANG KAYA.

+SEBUAH NEGERI YANG KAYA SEPERTI SABAH ADALAH GANJIL ADA RAKYAT YANG MASIH MISKIN DAN DAPATLAH KITA ANDAIKAN ADA SESUATU YANG TIDAK BETUL DENGAN APA YANG KITA BUAT+, KATANYA.

+WALAUPUN KITA MUNGKIN BERBUAT SESUATU YANG NAMPAKNYA MEMBERI HASIL, KITA SENTIASA BERTANYA APAKAH YANG KITA LAKUKAN ITU MENDAPAT HASIL YANG DIKEHENDAKI+, TAMBAHNYA.

+JIKA KITA DAPATI KITA TIDAK MENDAPAT FAEDAH SEPENUHNYA DARI PERANCANGAN, KITA AKAN MENGAJINYA SEMULA PELAN DAN PENDEKATAN- NYA DARI PENJURU LAIN, MENGADAKAN CARA BARU DAN MEMBUAT APA-APA YANG PERLU DAN MUNGKIN UNTUK MENENTUKAN PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DI MALAYSIA ADALAH ADIL+.

MENGENAI PERSETUJUAN PILIHANRAYA ANTARA USNO, PASOK DAN SOOP DI SABAH, KATANYA BELIAU SEDAR MENGENAI GABUNGAN ITU TETAPI TIDAK TAHU RANCANGANNYA. —BERSAMBUNG 1852/MD

• PERKARA ITU MESTI DIKAJI DENGAN TERPERINCI DENGAN MENYEDARI SEPENUHNYA PEMBANGUNAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MASA LAWATANNYA BELIAU TELAH MENYAKSIKAN LIMA PERJANJIAN DITANDATANGANI ANTARA SABAH DAN PELABUR-PELABUR ASING DAN INI MENCERMINKAN USAHA PESAT KERAJAAN NEGERI DALAM PEMBANGUNAN.

KELIMA-LIMA PERJANJIAN ITU AKAN MEMBAWA PELABURAN BERJUMLAH \$1,070 JUTA KE SABAH, TERMASUK \$325 JUTA UNTUK PROJEK USAHASAMA BESI SPONGE ANTARA SABAH DAN DAEWOO INDUSTRI COMPANY DARI KOREA SELATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI MENYAKSIKAN UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN ANTARA SABAH SHIPBUILDING SDN BERHAD, PERMODALAN BUMIPUTRA DAN KUMPULAN SYARIKAT-SYARIKAT RAYMOND, AMERIKA SYARIKAT.

SYARIKAT-SYARIKAT ITU AKAN MENGENDALIKAN PROJEK MEMBINA STRUKTUR MERIN DAN MEWUJUDKAN DASAR UNTUK MELAKSANAKAN KEJURUTERAAN MERIN.

MENGENAI KEKURANGAN TENAGA TERLATIH YANG DIHADAPI OLEH NEGERI

INI BELIAU BERKATA KERAJAAN PUSAT AKAN BERUSAHA MENOLONG SEBERAPA YANG BOLEH.

KATANYA, BAHAGIAN SABAH DARI PELABURAN ASING YANG DIDAPATI DARI ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN TIDAKLAH KECIL TETAPI TIDAKLAH PULA BESAR HINGGAKAN NEGERI-NEGERI LAIN TIDAK MENDAPAT BAHAGIAN MEREKA.